



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Operasi Penguatkuasaan
Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 Siri 8/2012
Lima Ratus Enam Belas Perokok Dikompaun Semasa
“ OPS BALIK KAMPONG ”

Kementerian Kesihatan telah menerima banyak aduan orang awam mengenai pemandu kenderaan awam atau penumpang yang merokok di dalam kenderaan awam. Sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini, adalah dijangkakan ramai warga negara yang menggunakan pengangkutan awam bagi tujuan perjalanan balik ke kampung masing-masing, justeru itu Kementerian Kesihatan Malaysia telah melancarkan operasi penguatkuasaan **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 Peringkat Kebangsaan** yang bertema 'Ops Balik Kampong' dari 26 hingga 30 Ogos 2012. Operasi ini memberi fokus kepada penguatkuasaan peraturan larangan merokok di dalam kenderaan awam serta hentian pengangkutan awam dan bertujuan untuk melindungi para penumpang kenderaan awam daripada bahaya asap rokok basi (*Second-Hand Smoke*), di samping untuk memberikan kesedaran kepada para perokok agar tidak merokok di dalam kenderaan awam dan di hentian pengangkutan awam.

Sejumlah **1,641** buah kenderaan awam serta **335** buah hentian pengangkutan awam di seluruh negara telah diperiksa semasa operasi ini. Daripada jumlah itu, seramai **516** orang perokok telah dikompaun kerana merokok di dalam kenderaan awam (iaitu di dalam bas, teksi, keretapi, komuter, LRT, feri, bot penumpang atau kereta sewa) atau di hentian pengangkutan awam (iaitu di hentian bas, teksi, kereta sewa, stesyen keretapi, komuter, LRT, ERL, terminal feri atau lapangan terbang). Mereka ini dikenakan kompaun minimum **RM 250.00** setiap seorang dan jumlah nilai kompaun yang telah dikeluarkan di bawah kesalahan ini adalah sebanyak **RM 129,000.00**.


Selain itu, sejumlah 6 kompaun juga telah dikeluarkan terhadap tuan punya kenderaan awam kerana gagal mempamerkan Tanda Larangan Merokok di dalam kenderaan mereka atau tanda yang dipamerkan tidak mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan di bawah Peraturan ini. Mereka juga dikenakan kompaun minimum **RM 250.00** setiap seorang dan jumlah nilai kompaun yang telah dikeluarkan di bawah kesalahan ini adalah sebanyak **RM 1,500.00**.

Secara keseluruhannya, sejumlah **522** kompaun telah dikeluarkan sepanjang tempoh 5 hari operasi ini dijalankan dan jumlah nilai kompaun yang telah dikenakan adalah sebanyak **RM 130,500.00**. Pecahan pencapaian operasi ini adalah seperti di **Lampiran 1**. Bagi mereka yang gagal menjelaskan kompaun dalam tempoh masa yang ditetapkan, mereka akan didakwa di mahkamah dan sekiranya didapati bersalah, mereka boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Tabiat merokok boleh menyebabkan Penyakit Paru-Paru Obstruktif Kronik, Penyakit Jantung dan Kanser Paru-Paru serta pelbagai jenis penyakit kronik dan kanser yang lain. Kementerian Kesihatan Malaysia ingin menasihati orang ramai agar tidak memulakan tabiat merokok yang merugikan serta merosakkan kesihatan. Para perokok dinasihati agar berhenti merokok dan bersikap perihatin terhadap gangguan serta bahaya asap rokok basi mereka terhadap orang lain yang tidak merokok, mereka juga diminta menghormati undang-undang agar tidak merokok di tempat-tempat yang dilarang merokok.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan meneruskan operasi penguatkuasaan **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004** secara berkala bagi melindungi orang ramai daripada bahaya asap rokok basi. Kepada mereka yang ingin berhenti merokok, bolehlah mendapatkan perkhidmatan berhenti merokok di klinik-klinik kesihatan atau hospital Kerajaan yang berdekatan atau menghubungi No. Infoline 03-88834400 untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan. Sukacita saya menyeru kerjasama semua pihak agar kita bersama-sama berusaha ke arah satu masyarakat bebas asap rokok.

Sekian, terima kasih



(DATO' SRI DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN)
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

10 September 2012

**HASIL OPERASI PENGUATKUASAAN PPKHT 2004
'OPS BALIK KAMPONG' : OPERASI LARANGAN MEROKOK DI
DALAM PENGANGKUTAN AWAM DAN HENTIAN
PENGANGKUTAN AWAM
26 – 30 OGOS 2012**

PERKARA	JUMLAH
1) Jumlah Pengangkutan Awam yang diperiksa (Pelbagai Jenis)	1641
Pecahan Jenis Pengangkutan Awam yang diperiksa : a) Bas - 992 b) Teksi - 632 c) Keretapi - 11 d) Komuter - 1 e) Feri / Bot Penumpang - 5	
2) Jumlah Hentian Pengangkutan Awam yang diperiksa (Pelbagai Jenis)	335
Pecahan Jenis Hentian Pengangkutan Awam yang diperiksa : a) Terminal / Hentian Bas - 191 b) Terminal / Hentian Teksi - 107 c) Stesyen Keretapi - 17 d) Stesyen Komuter - 6 e) Stesyen LRT / ERL - 2 f) Terminal Bot / Jeti Feri - 8 g) Lapangan Terbang - 3 h) Stesyen Kereta Kabel - 1	
3) Jumlah Kompaun Yang Dikeluarkan Dalam Operasi Ini (Semua Kesalahan)	522

4) Jumlah Nilai Kompaun Yang Dikenakan Dalam Operasi Ini (Semua Kesalahan)	RM 130,500.00
5) Jumlah Kompaun Yang Dikeluarkan Di Bawah Peraturan 11(1)(e) – Merokok Di Dalam Kenderaan Awam Atau Hentian Pengangkutan Awam	516
6) Jumlah Nilai Kompaun Dikenakan Di Bawah Peraturan 11(1)(e)	RM 129,000.00
<p>Pecahan Bilangan Kompaun Yang Dikeluarkan Di Bawah Peraturan 11(1)(e) : Merokok di Dalam :</p> <p>a) Bas - 4</p> <p>b) Keretapi - 4</p> <p>c) Terminal / Hentian Bas - 402</p> <p>d) Feri / Bot Penumpang - 6</p> <p>e) Stesyen Keretapi - 13</p> <p>f) Stesyen Komuter - 51</p> <p>g) Stesyen LRT / ERL - 5</p> <p>h) Terminal Bot / Jeti Feri - 15</p> <p>i) Stesyen Kereta Kabel - 3</p> <p>j) Lapangan Terbang - 13</p>	
7) Jumlah Kompaun Yang Dikeluarkan Di Bawah Peraturan 12 – Gagal Mempamerkan Tanda Larangan Merokok / Tidak Mematuhi Spesifikasi	6
8) Jumlah Nilai Kompaun Dikenakan Di Bawah Peraturan 12	RM 1,500.00
<p>Pecahan Bilangan Kompaun Yang Dikeluarkan Di Bawah Peraturan 12 :</p> <p>a) Tuan Punya Bas - 4</p> <p>b) Tuan Punya Teksi - 1</p> <p>c) Tuan Punya Hentian Bas - 1</p>	